LAWATAN RASMI YB TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
KE KOLEJ WIT

UCAPAN

OLEH

TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

KOLEJ WIT PORT KLANG

17 JANUARI 2013

YBhg.Tan Sri Zainal Rampak,
Pegerusi Lembaga Pengarah,
Kolej WIT;

Encik Robert Neo Swee Fau
Ahli Lembaga Pengarah Kolej WIT;

Encik Hamzah Abu Hassan
Pengetua Kolej WIT;

Ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Teknikal
Kolej WIT;

Tan Sri-Tan Sri

Dato'-Dato'

Hadirin yang dihormati sekalian.

AssalammualaikumWarahmatullahiWabarakatuh,

Salam Sejatera dan Salam Satu Malaysia

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Zainal Rampak dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan Kolej WIT kerana telah menjemput saya dan pegawai-pegawai saya di UPE untuk melakukan lawatan ke Kolej WIT ini. Ini bukanlah kali pertama saya menghadiri majlis Kolej WIT. Saya pernah menghadiri Majlis Konvesyen Kolej WIT beberapa tahun dahulu, semasa saya menjadi Menteri Kewangan 11 dahulu.

Hadirin sekalian,

2. Pendidikan dan kemahiran menjadi nadi penggerak dalam pembangunan negara. Oleh itu, Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada usaha melahirkan modal insane yang terlatih, berkemahiran dan mampu berdaya saing. Ini adalah sejajar dengan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju dimana rakyatnya menikmati pendapatan tinggi.

3. Dalam usaha kita mentransformasikan ekonomi menjadi sebuah negara maju, kita memerlukan lebih banyak tenaga kerja mahir. Ke arah ini, latihan teknikal dan

vokasional merupakan satu daripada bidang latihan yang terpenting dalam memenuhi keperluan tenaga kerja mahir industri. Oleh itu, kita perlu melipat gandakan usaha untuk menarik minat lebih ramai pelajar untuk mengikuti latihan dan vokasional.

4. Jika kita lihat dikebanyakan negara-negara maju, termasuk negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), hampir 50 peratus pelajar mereka adalah dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional.Di Malaysia hanya sebanyak 10 peratus pelajar mendaftar dalam sekolah teknikal dan vokasional, sementara sebanyak 80 peratus tenaga kerja hanya mempunyai kelayakkan SPM.

5. Oleh itu, hasrat Kerajaan adalah untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam pendidikan teknikal dan latihan vokasional berkualiti, terutamanya pelajar-pelajar yang mempunyai kecenderungan dalam bidang berkenaan. Tujuannya ialah untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang yang mempunyai permintaan pasaran yang tinggi.Oleh yang demikian, mereka akan mendapat pelbagai peluang pekerjaan yang boleh menjamin pendapatan yang lebih tinggi.

6. Sememangnya, Kerajaan telah banyak menyediakan peluang untuk lepasan sekolah yang tidak melanjutkan pengajian mereka ke peringkat ijazah untuk mengikuti latihan teknikal dan vokasional. Untuk memantapkan lagi usaha meningkatkan tenaga kerja mahir negara, Kerajaan melalui Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPH), sebuah agensi dibawah EPU, telah melaksankan dua program utama. Pertama ialah Program Peneraju Skil Jurukimpal bertujuan membolehkan jurutimpal mendapat persijilan antarabangsa.

7. Adalah dianggarkan negara memerlukan lebih daripada 50,000 jurukimpal berkelayakan menjelang tahun-tahun 2015 sehingga 2020, terutamanya dalam industri minyak dan gas, marin dan elektrik dan elektronik. Walaubagaimanapun, pada masa ini, institusi vokasional tempatan melatih jurukimpal yang kebanyakannya ditauliahkan berdasarkan piawaian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1 hingga 4. Berdasarkan piawaian ini, jurukimpal yang dihasilkan tidak dapat

memenuhi keperluan industri yang memerlukan jurukimpal yang mempunyai pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

8. Oleh itu, Program Peneraju Skil Jurukimpal akan membolehkan jurukimpal lepasan vokasional serta warga kerja yang mempunyai sijil kemahiran SKM untuk mendapatkan pensijilan peringkat antarabangsa. Saya difahamkan bahawa seorang jurukimpal yang mempunyai sijil kemahiran antarabangsa berpotensi menikmati pendapatan bulanan lebih daripada 9,000 ringgit, berbanding 2,000 ringgit bagi mereka yang hanya mempunyai sijil kemahiran Malaysia.

9. Program kedua yang dilaksanakan ialah Program Peneraju Skil – Elektrikal, iaitu satu program untuk meningkatkan kemahiran pekerja dalam bidang industri elektrikal dan elektronik, seperti 'chargeman', 'wireman', 'jointer' dan sebagainya. Sebagai seorang *chargeman* berkemahiran, mereka berpotensi mendapat peningkatan gaji bulanan dari lingkungan 1,000 ringgit hingga 4,000 ringgit kepada lingkungan pendapatan 4,200 ringgit hingga 10,000 ringgit.

Hadirin sekalian,

10. Dalam uasaha meningkatkan lagi bilangan tenaga kerja mahir, Kerajaan juga menggalakkan penyertaan kolej-kolej swasta secara langsung dalam program menyediakan latihan kemahiran. Memandangkan latihan teknikal dan vokasional juga memerlukan latihan *hands-on,* syarikat–syarikat swasta juga memainkan peranan penting, terutamanya dalam menyediakan program sangkutan industri.

11. Kolej WIT adalah diantara pusat latihan kemahiran swasta yang telah ditubuhkan hampir 25 tahun dahulu. Saya difahamkan WIT telah melatih lebih dari 34,000 belia yang telah berjaya mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat swasta. Saya diberitahu ada juga mereka yang telah menjadi ahli korporat yang berjaya. Syabas saya ucapkan kepada semua mereka ini dan juga kepada Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan Kolej WIT, terutamanya Tan Sri Zainal Rampak, Pengerusi Lembaga Pengarah yangtelah berusaha dengan penuh dedikasi untuk menjamin masa depan pelajar-pelajar yang lebih cemerlang.

12. Kini, Kolej WIT mendapat sokongan erat daripada lebih 100 syarikat dari pelbagai jenis industri dan badan kerajaan yang menghantar pekerja-pekerja mereka mendapatkan latihan kemahiran, disamping memberi pekerjaan kepada para graduan. Ini jelas menunjukkan bahawa Kolej WIT telah berjaya melahirkan graduan-graduan yang menepati permintaan pasaran. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah selari dengan permintaan industri dan mendapat pengiktirafan dari badan-badan profesional.

13. Memandangkan kepada kejayaan ini, Kerajaan telah memberi sokongan kepada Kolej WIT dengan menyediakan bantuan kewangan untuk membiayai pelajar-pelajar, khususnya mereka dari gulungan berpendapatan rendah, mengikuti latihan kemahiran dalam bidang yang diminati. Untuk ini ini, Unit Perancang Ekonomi telah memberikan peruntukan sebanyak 4.2 juta ringgit kepada WIT untuk menaja seramai 393 pelajar semenjak tahun 2010.

14. Alhamdulillah, dari jumlah ini, 81 peratus daripada mereka telah berjaya mendapat pekerjaan, 14 peratus bekerja sendiri dan hanya 5 peratus sedang menunggu mendapat pekerjaan.

15. Kerajaan juga mengalu-alukan usaha Kolej WIT menawarkan pelbagai jenis kursus dalam bidang-bidang Kemahiran Teknikal dan Kejuruteraan seperti Automotif, Mekanikal, Elektrik dan Elektronik, Komputer, dan Mekatronik, yang membawa kepada perolehan Diploma dan Sijil Kemahiran. Diploma dan Sijil yang ditawarkan oleh Kolej WIT mendapat pengiktirafan sepenuhnya dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Agensi Kelayakan Malaysia, dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Hadirin sekalian,

16. Kerajaan amat menghargai sumbangan kolej-kolej swata dalam menyediakan peluang-peluang latihan kemahiran, sebagai melengkapi usaha Kerajaan dalam bidang ini. Kerajaan juga mengalu-alukan sokongan daripada syarikat-syarikat swasta yang telah menyediakan bukan sahaja peluang latihan kepada pelajar-pelajar, bahkan juga peluang pekerjaan kepada mereka.

17. Kepada pelajar-pelajar, saya menyeru terutama sekali belia-belia lepasan sekolah supaya mengambil peluang untuk menimba ilmu kemahiran sebanyak mungkin bagi masa depan mereka. Rebutlah peluang latihan yang disediakan.

18. Di akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kolej WIT dan semua pelajar. Saya yakin Kolej Wit akan terus melangkah kehadapan mencapai kecermerlangan berterusan. InsyaAllah.

Sekian. Terima kasih.
Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Putrajaya.
17 Januari 2013